

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR

BILANGAN 13/2010

=====

PENGENAAN KADAR BARU BAGI ROYALTI BAHAN BATUAN (KUARI)

DI NEGERI SELANGOR

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) mengenai **kadar baru bagi bahan batuan (kuari)** di Negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 31/2010 yang diadakan pada 25 Ogos 2010 telah meluluskan cadangan pengenaan kadar baru bagi bahan batuan (kuari) di Negeri Selangor.

3. KADAR BARU BAGI ROYALTI BAHAN BATUAN (KUARI)

3.1 MMKN telah bersetuju dan meluluskan kadar royalti bahan batuan bagi kuari **dinaikkan daripada RM 3.00/m³ (RM1.15/mt) kepada RM 5.20/m³ (RM2.00/mt)** iaitu pada kenaikan 73 peratus.

- 3.2 Kadar baru yang dikenakan adalah perlu dipatuhi selaras dengan kuat kuasa butiran (f) dalam Kaedah 24, Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2010 melalui Sel. P.U. 29 Warta Kerajaan Negeri Selangor seperti di LAMPIRAN.

4. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Pekeliling ini terpakai bagi semua permohonan permit bahan batuan (kuari) yang melibatkan permohonan baru dan permohonan pembaharuan permit.
- 4.2 Pelaksanaan arahan dan pengenaan kadar royalti baru di dalam pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 September 2010.


(DATO' ABD. NASIR BIN HASSAN)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh: 1 Oct-2010

LAMPIRAN



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 63
No. 20

30hb September 2010

*TAMBAHAN No. 16
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 29.

**KANUN TANAH NEGARA 1965
(Akta 56/1965)**

KAEDAH-KAEDAH TANAH SELANGOR (PINDAAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 14 Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri membuat Kaedah-kaedah berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2010**.

(2) Kaedah 21 hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2010.

(3) Kaedah 24 hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 September 2010.

Pindaan Kaedah 21

2. Kaedah 21 Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003 [Sel. P.U. 5/2003] yang disebut "Kaedah-kaedah ibu" dalam Kaedah-kaedah ini, adalah dipinda—

(a) dalam subitem 22(b), dengan menggantikan perkataan "100.00" perkataan "200.00";

(b) dalam subitem 22(c), dengan menggantikan perkataan "300.00" perkataan "400.00";

- (c) dalam subitem 22(d), dengan menggantikan perkataan "400.00" perkataan "500.00";
- (d) dalam subitem 22(e), dengan menggantikan perkataan "1,000.00" perkataan "1,500.00";
- (e) dengan menggantikan butiran 85 dengan butiran yang berikut:

<i>Item No.</i>	<i>Matter</i>	<i>Relevant Provision of the Code</i>	<i>Relevant Form</i>	<i>Rate</i>
				RM
85.	Penalty for late collection of title or instrument for dealing, 7 working days after registration, per title			100.00"; dan

- (f) dengan memasukkan selepas butiran 85, butiran yang berikut:

<i>Item No.</i>	<i>Matter</i>	<i>Relevant Provision of the Code</i>	<i>Relevant Form</i>	<i>Rate</i>
				RM
85A.	Penalty for late collection of title or instrument for non-dealing, 3 months after the issuance of notice to collect title or instrument, per title			100.00"

Pindaan Kaedah 24

3. Kaedah 24 Kaedah-kaedah ibu adalah dipinda dalam butiran (1), dengan menggantikan perkataan "3.00" perkataan "5.20".

Bertarikh 29 September 2010
[PTG/PT 14/00/2002; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 16]

MOHAMAD YASID BIN BIDIN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Selangor

NATIONAL LAND CODE 1965
(Act 56/1965)

SELANGOR LAND (AMENDMENT) RULES 2010

In exercise of the powers conferred by section 14 of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority makes the following Rules:

Citation and commencement

1. (1) These Rules may be cited as the **Selangor Land (Amendment) Rules 2010**.

(2) Rule 21 shall come into operation on 1 October 2010.

(3) Rule 24 shall come into operation on 1 September 2010.

Amendment of Rule 21

2. Rule 21 of the Selangor Land Rules [Sel. P.U. 5/2003], which are referred to as the "principal Rules" in these Rules, is amended—

(a) in subitem 22(b), by substituting for the words "100.00" the words "200.00";

(b) in subitem 22(c), by substituting for the words "300.00" the words "400.00";

(c) in subitem 22(d), by substituting for the words "400.00" the words "500.00";

(d) in subitem 22(e), by substituting for the words "1,000.00" the words "1,500.00";

(e) by substituting item 85 with the following item:

<i>Item No.</i>	<i>Matter</i>	<i>Relevant Provision of the Code</i>	<i>Relevant Form</i>	<i>Rate</i>
				RM
"85.	Penalty for late collection of title or instrument for dealing, 7 working days after registration, per title			100.00"; and

(f) by inserting after item 85 the following item:

<i>Item No.</i>	<i>Matter</i>	<i>Relevant Provision of the Code</i>	<i>Relevant Form</i>	<i>Rate</i>
				RM
85A.	Penalty for late collection of title or instrument for non-dealing, 3 months after the issuance of notice to collect title or instrument, per title			100.00

Amendment of Rule 24

3. Rule 24 of the principal Rules is amended in item (1), by substituting for the words "3.00" the words "5.20".

Dated 29 September 2010

[PTG/PT 14/00/2002; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 16]

MOHAMAD YASID BIN BIDIN
Clerk
State Executive Council
Selangor

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD.
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA